

VENXOR TABLET

Venlafaxine (75 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Venxor
2. Bagaimana Venxor berfungsi
3. Sebelum menggunakan Venxor
4. Cara menggunakan Venxor
5. Semasa menggunakan Venxor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Venxor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Venxor

Venxor digunakan untuk merawat kemurungan dan untuk mencegah episod kemurungan yang berulang.

Bagaimana Venxor berfungsi

Venxor ialah ubat antidepresan yang tergolong dalam kumpulan yang dikenali sebagai *serotonin and norepinephrine reuptake inhibitor* (SNRIs). Orang yang menghadapi kemurungan dan/atau keresahan mempunyai paras bahan kimia otak seperti *serotonin* dan *nonadrenaline* yang lebih rendah. Adalah tidak difahami sepenuhnya bagaimana antidepresan berfungsi, tetapi mereka mungkin membantu meningkatkan paras *serotonin* dan *nonadrenaline* dalam otak.

Sebelum menggunakan Venxor

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda alah kepada *venlafaxine* atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- Anda kini sedang dirawat dengan ubat-ubatan lain yang dikenali sebagai *monoamine oxidase inhibitor* (MAOI) (digunakan dalam rawatan kemurungan atau penyakit *Parkinson*, termasuk *furazolidone*, *procarbazine*, and

selegiline). Venxor tidak boleh digunakan dalam tempoh 14 hari selepas anda menghentikan penggunaan MAOI.

Pengambilan serentak MAOIs dengan *venlafaxine* boleh meningkatkan risiko mendapat sindrom serotonin (keadaan yang berpotensi mengancam nyawa yang dikaitkan dengan kombinasi gejala, seperti kekeliruan, keresahan, kegelisahan, cirit-birit, loya, muntah, sawan yang teruk, atau tekanan darah tinggi yang teruk)

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bercakap dengan ahli farmasi atau doktor anda.

- Sebelum menggunakan Venxor

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda alah kepada *venlafaxine* atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Perhatian khusus perlu diberikan sebelum mengambil Venxor

- Jika anda ada masalah buah pinggang atau hati
- Jika anda mempunyai sejarah penyakit jantung
- Jika anda mempunyai sejarah sawan
- Jika anda ada penyakit kencing manis
- Jika anda ada tekanan darah rendah atau tinggi
- Jika anda mempunyai kesukaran untuk membuang air
- Jika anda mengalami mania (rasa keriang yang berlebihan atau amat sangat) atau yang bertentangan (hipomania).

Penggunaan pada kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun:

Venxor seharusnya tidak diberikan pada kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun.

Mengandung dan menyusukan bayi

Jangan guna Venxor sekiranya anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin hamil tanpa berbincang dengan doktor anda dahulu.

Jangan gunakan Venxor sekiranya anda sedang menyusukan bayi. Tanya doktor atau pegawai farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi dari kedai, farmasi, pasar raya atau kedai yang menjual makanan untuk kesihatan.

Venxor boleh menjejaskan atau dipengaruhi oleh produk ubat-ubatan lain yang anda ambil seperti:

- MAOIs (rujuk kepada *Bila tidak boleh mengambil*)
- Ubat yang mengurangi pembekuan darah dalam badan (misalnya *warfarin*)
- Ubat yang mengurangkan penghasilan asid gaster yang banyak dalam perut (misalnya *cimetidine*)
- Ubat migrain (sakit kepala yang berulang-ulang dan berdenyut, biasanya melibatkan hanya satu sisi kepala) (misalnya *sumatriptan*)
- Ubat untuk sawan (misalnya *clozapine*)
- Ubat untuk merawat kemurungan (misalnya *citalopram*, *fluoxetine*, *paroxetine*, *sertraline*, *litium*, *diazepam* dan *moclobemid*)
- Jika anda mengambil ubat-ubatan yang mengandungi *haloperidol*
- Jika anda sedang menjalani terapi elektrokonvulsif, atau *electroconvulsive therapy* (ECT) (biasanya digunakan dalam kemurungan yang serius).

Cara menggunakan Venxor

Sentiasa patuhi semua arahan yang telah diberikan oleh doktor dan pegawai farmasi kepada anda. Baca arahan pada label bungkusan dengan teliti. Rujuk kepada doktor atau pegawai farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan sebelum mengambil ubat ini.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan memberitahu berapa banyak dos yang perlu diambil setiap hari, dan berapa lama anda perlu menggunakan ubat ini.

Dewasa:

Dos yang biasa ialah 75 mg / hari dibahagikan dalam dua atau tiga dos dan diambil bersama dengan makanan.

Sekiranya perlu, doktor anda akan meningkatkan dos anda kepada jumlah maksimum 375mg/hari, dan secara amnya pengambilan ubat ini akan dibahagikan kepada tiga dos.

Kanak-kanak dan remaja:

Tidak disyorkan pada kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun tahun.

Pesakit yang mengalami gangguan fungsi buah pinggang dan hati:

Jika anda mengalami salah satu daripada masalah di atas, pengurangan/pengubahsuaian dos adalah diperlukan. Ikuti preskripsi/arahan yang telah diberikan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ikuti arahan pada label dengan berhati-hati dan gunakan seperti yang telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikuti arahan pada label dengan berhati-hati dan gunakan seperti yang telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ikuti arahan pada label dengan berhati-hati dan gunakan seperti yang telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda. Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya.

Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas kerana ia akan meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini.

Symptom dos berlebihan termasuk gangguan dalam rentak jantung, nadi cepat atau lambat, tekanan darah rendah dan tidak sedar diri (dari rasa mengantuk kepada koma). Rawatan dos yang berlebihan adalah rawatan secara simptomatik dan sokongan.

Semasa menggunakan Venxor

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat ini dengan betul seperti doktor anda ditetapkan.

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda mempunyai alahan kepada venlafaxine atau mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil atau bercadang untuk mengambil apa-apa ubat-ubatan yang diperolehi secara preskripsi dan tanpa preskripsi.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Venxor.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Venxor kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda.

Jangan ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali telah diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda. Doktor anda mungkin akan mengurangkan kuantiti Venxor yang anda ambil secara perlahan-lahan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika iritasi, pemekaan atau reaksi alahan berlaku, berhenti menggunakannya dan maklumkan kepada doktor anda.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, anda tidak sepatutnya menggunakan ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.

Pemikiran untuk membunuh diri dan kemurungan atau kecelaruan keresahan yang semakin buruk

Sekiranya anda berasa tertekan dan / atau mempunyai kecelaruan keresahan anda kadang-kadang terfikir untuk mencederakan atau membunuh diri sendiri. Ia boleh terjadi apabila pertama kali memulakan ubat antidepresan, kerana kesemua ubat-ubatan ini akan mengambil masa untuk memberikan kesan tindak balas terhadap pesakit, biasanya kira-kira dua minggu tetapi kadang-kadang lebih lama. Anda mungkin lebih cenderung jika anda pernah mempunyai fikiran tentang membunuh atau mencederakan diri sendiri dan / atau jika anda seorang dewasa muda.

Jika anda mempunyai pemikiran untuk mencederakan atau membunuh diri sendiri pada bila-bila masa,

hubungi doktor anda atau pergi ke hospital segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, Venxor boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini, walaupun tidak semua orang akan mendapat kesan tersebut.

Venxor biasanya boleh ditoleransi dengan baik. Berjumpa dengan doktor atau pegawai farmasi anda dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Biasa:

- rasa loya
- muntah-muntah
- insomnia (kesukaran untuk tidur)
- mulut kering
- sakit kepala
- tekanan darah tinggi
- pening
- sembelit
- berpeluh
- gementar
- gangguan penglihatan (seperti penglihatan kabur)
- masalah seksual

Jarang berlaku:

- edema (bengkak disebabkan oleh cecair berlebihan yang terperangkap dalam tisu badan)
- gatal-gatal
- ruam kulit
- mania atau hipomania
- perubahan haid
- sawan
- masalah kencing (seperti kesukaran untuk membuang air kecil)

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku dalam kalangan sesetengah pesakit. Tanya doktor atau pegawai farmasi anda sekiranya anda ada sebarang persoalan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Venxor

- Penyimpanan

Jauhi daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Simpan di bawah 30⁰ C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat, berwarna pic berbelak, berpinggir serong, berpermukaan rata, dengan cetakan timbul "HOVID" pada satu permukaan dan garisan belahan pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi Venlafaxine Hydrochloride 84.9mg bersamaan Venlafaxine 75mg.

- Bahan Tidak Aktif

- *Starlac*
- *Polyvinylpolypyrrolidone (Polyplasdone XL)*
- *Iron Oxide Red*
- *Iron Oxide Yellow*
- *Colloidal Silicon Dioxide*
- *Stearic Acid*
- *Magnesium Stearate*

- Nombor MAL

MAL10100137A

Pengilang

HOVID Bhd.

Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh/Chemor, 31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman, 30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/04/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)280415/00084